

(16 mac 2021) Sinar Harian/p. 7

Angka kes baharu terus menurun

Kes aktif kini adalah sebanyak 15,511 kes

KUALA LUMPUR

Kes baharu Covid-19 terus merekodkan penurunan kepada 1,208 kes pada Isnin berbanding 1,354 pada hari sebelumnya, menjadikan jumlah kumulatif kes dalam negara kini menjangkau 324,971 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 1,199 daripada jumlah kes pada Isnin melibatkan kes tempatan dan

sembilan lagi adalah kes import.

Beliau berkata, kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 di negara ini menunjukkan penurunan kepada 15,511 kes dalam tempoh yang sama berbanding 16,279 pada hari sebelumnya, dengan 1,973 kes sembuh direkodkan, menjadikan jumlah keseluruhan pulih kini 308,247 kes.

"Selain itu, tiga kes kematian dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kematian akibat wabak itu kini 1,213 kes," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 pada Isnin.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian itu melibatkan

masing-masing satu di Selangor, Johor dan Sarawak, manakala 155 kes dimasukkan di Unit Rawatan Rapi dengan 70 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya, tiga negeri yang merekodkan kes tertinggi adalah Selangor dengan 379 kes, Sarawak (251) dan Johor (118).

Mengenai kluster baharu, beliau berkata, daripada 13 kluster yang dikenal pasti melibatkan lapan negeri pada



DR NOOR HISHAM

Isnin, 12 kluster melibatkan tempat kerja dan satu kluster keagamaan.

Kluster tempat kerja ialah kluster Sungai Puloh, Batu Tiga Lama dan Perusahaan Amari di Selangor; Jalan Mega Lima, Jalan Delima dan Batu

19 di Johor; Jalan Tanjung di Sarawak; Industri Gunung Mas di Negeri Sembilan; Jalan Lapan Belas di Kuala Lumpur; Tapak Bina Meha di Kedah; Kampung Air Batang di Pahang dan Chendering

Height di Terengganu.

Kluster keagamaan pula melibatkan kawasan di Jalan Seke rat, Kedah.


Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, 819 kluster telah tamat termasuk enam kluster hari ini iaitu kluster Jalan Tropicana, Pengkalan Teras, Jalan Perindustrian Getah, Lengkok Pantai, Tabong dan Jalan Niaga.

"Jumlah kluster aktif adalah sebanyak 431 kluster manakala kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini ialah kluster Tanjung Suria dan Ladang Bukit masing-masing dengan 29 kes dan kluster Jalan Mega Lima (22 kes)," katanya. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 15 Mac 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 323,763 kes kepada 324,971 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
324,971	308,247	155	1,213	+1,208

